



BULETIN

KUMSTRA

KAMI MAHU GAYA HIDUP LESTARI

Bil 02 | No. 2 | 2014

PELANCARAN MASM 2014
Di Tasik Darulaman, Jitra Kedah

EDISI KHAS



**ANUGERAH
LANGKAWI**

DEBAT ALAM SEKITAR

ENVIRO-WALK

dan lain-lain lagi...

RAHMAN ALAM SEKITAR

warna-warni
MASM




Ya! Teruskan Gaya Hidup Lestari
Yes! Keep Sustainable Lifestyle Going



MASM 2014 kali ini diadakan di Tasik Darul Aman, Jitra Kedah. Program ini dimulakan dengan **KICK OFF** Oleh Ybgh. Dato' Halimah Hasan Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia Pada 1 November 2014.




Pelbagai Aktiviti telah dijalankan pada hari penuh gemilang tersebut iaitu Pertandingan Enviro Golf, Kuiz Alam Seitar, Memancing, Mewarna, Pertandingan Fotografi, Pameran Alam Sekitar, Persembahan Karaoke dan nyanyian artis jemputan, Enviro Walk serta aktiviti senamrobik.



Dianggarkan seramai 20,000 pengunjung telah menghadiri program MASM 2014 yang julung kalinya diadakan di KEDAH DARUL AMAN.

ARTIS jemputan juga turut serta membuat persembahan di Malam kemuncak MASM 2014 bagi memeriahkan lagi majlis.



Program Minggu Alam Sekitar 2014 Kali ini telah mencatat sejarah tersendiri kerana berjaya dilaksanakan selama 15 Jam tanpa henti dan berakhir pada 10.00 malam. Program tersebut telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Mahathir selaku Menteri Besar Negeri KEDAH.



PEMENANG ANUGERAH LANGKAWI 2014

Pengarah Institut Perubahan Iklim (IPI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Datuk Dr Sharifah Mastura Syed Abdullah dan Syarikat Malakoff Corporation Berhad diumumkan sebagai penerima Anugerah Langkawi 2013/2014.

Dr Sharifah merupakan pemenang bagi kategori individu manakala Malakoff Corporation bagi kategori per-tubuhan/organisasi, dengan masing-masing menerima sijil, plak penghargaan dan wang tunai RM10,000. Ia adalah penghargaan dan penghormatan tertinggi negara kepada orang perseorangan rakyat Malaysia dan organisasi berdaftar di Malaysia yang memberikan sumbangan signifikan dalam bidang alam sekitar.

Anugerah yang diadakan sempena Minggu Alam Sekitar anjuran Jabatan Alam Sekitar telah ditandatangan-
gani oleh Yang di-Pertuan Agong dan disampaikan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir
di Taman Tasik Darul Aman, Jitra Kedah

Ekoran komitmen tinggi dalam menjayakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan penjagaan alam
sekitar, syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) berjaya memenangi sebuah anugerah berprestij
itu.

Antara aktiviti CSR yang telah dijayakan oleh MALAKOFF iaitu program melibatkan alam sekitar antaranya
Program Penanaman Paya Bakau, Program Pemulihan Batu Karang, Projek Kesedaran Penyuluhan dan turut



PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR 2014

Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi (Kali Ke-24) Tahun 2014 telah diadakan pada 1 November 2014 bertempat di Dewan Gemilang, Darulaman Golf & Country Club, Jitra, Kedah. Pertandingan Akhir ini menyaksikan perdebatan di antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan tajuk perdebatan iaitu 'Undang-undang Alam Sekitar Sedia Ada Belum Mencukupi Untuk Menjamin Kelestarian Alam Sekitar'.

Keputusan bagi pertandingan akhir ini telah mengumumkan bahawa UIAM sebagai Johan dengan membawa pulang hadiah wang sebanyak RM8,000.00 manakala UiTM sebagai Naib Johan dengan membawa pulang hadiah wang sebanyak RM5,000.00. Muhammad Asyraf Ibrahim dari UIAM telah diumumkan sebagai Pendebat Terbaik (Peringkat Akhir) dengan meraih hadiah wang sebanyak RM1,500.00. Hadiah pemenang disampaikan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir di Taman Tasik Darul Aman, Jitra Kedah



WARNA WARNI MASM 2014

